

**Untuk siaran segera
26 September 2024**

**PNB MENYOKONG RANGKA KERJA BAHARU SURUHANJAYA
SEKURITI UNTUK MEMACU KORPORAT MALAYSIA KE ARAH
KECEMERLANGAN ESG**

Kumpulan PNB mengiktiraf kepentingan rangka kerja berkenaan dalam memupuk ketelusan dan akauntabiliti

Kuala Lumpur, 26 September 2024: Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengalu-alukan Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Nasional (NSRF) yang baru dilancarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, yang bertujuan untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti tentang cara perniagaan mengurus risiko dan peluang kemampanan, meningkatkan daya tahan perniagaan dan menyumbang kepada agenda kemampanan negara yang lebih meluas.

NSRF, dibangunkan sejajar dengan Piawaian Pendedahan Kemampanan IFRS yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Kelestarian Antarabangsa (ISSB), khususnya IFRS S1 Keperluan Am untuk Pendedahan Maklumat Kewangan berkaitan Kemampanan dan IFRS S2 Pendedahan Berkaitan Iklim, menetapkan garis dasar yang kukuh untuk pelaporan kemampanan.

Dato' Abdul Rahman Ahmad, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB berkata, "PNB mengiktiraf kepentingan rangka kerja ini dalam memupuk ketelusan dan akauntabiliti dalam pelaporan kemampanan. Kami percaya bahawa NSRF akan memainkan peranan penting dalam memacu daya saing sektor korporat Malaysia pada peringkat global ke arah masa depan yang lebih mampan dan berdaya tahan."

"Susulan pelancaran NSRF, PNB akan terus bekerjasama rapat dengan syarikat-syarikat pelaburan kami serta syarikat tersenarai yang PNB mempunyai kepentingan di dalamnya bagi memastikan mereka memenuhi keperluan pendedahan yang ditetapkan di bawah NSRF tepat pada masanya," tambah beliau.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad